

Tidak ada seorang makhluk yang dapat mempertahankan apabila tiba saatnya untuk mati dan tidak ada seorang jua pun yang dapat mengetahui hari ini atau esok atau masa yang ditentukan yang ia akan menghadapi mati. Seorang yang pada pagi-pagi di dalam sihat wal afiat segar pugar, setengah jam kemudian didapati terbaring mati. Mati itu tidak dapat dibeli dan tidak dapat dijual serta tidak dapat diganti apabila sampai saatnya, kaya atau miskin, tua atau muda, raja atau rakyat ia akan mati – tidak dapat ditolak dan tida dapat diraih.

Maknanya seseorang itu mesti menghadapi mati dan sebagai seorang yang beriman kepada Allah maka ia mempercayai bahawa dengan kematiannya itu tamatlah riwayat perjalanannya di dunia ini dan akan mengadap kepada tuhanNya nanti lalu ditanya apakah dalam masa hidupnya yang telah dikerjakan olehnya dan jika ia berbuat baik dengan tulus ikhlas, dengan hati yang bersih maka ia mendapat ganjaran pahala dan jika ia membuat kejahatan dan melakukan perbuatan yang terkutuk ia dibalas dengan balasan-balasan yang pedih dan seksa-seksa yang nyata.


Dengan demikian maka nyata kehidupan di dunia ini adalah ia sementara yang di dalamnya mereka itu disuruh mencari bekal bagi kesejahteraan di akhir nanti. Di dalam masa perjalannya itu jika ia berharta akan ditanya apakah amanah harta yang terletak di dalam tangannya itu telah digunakannya untuk membela agamanya? Dan adakah ia telah menyertai pengorbanan-pengorbanan dan jihad untuk membela kesejahteraan agamanya? Adakah kita telah menunaikan kewajipan dan tanggungan kita kepada barang-barang yang telah ditanggungkan ke atasnya yang jika dikehendaki mengorbankan nyawa kerana membela dan mempertahankan agama yang dijunjung tinggi itu.

Bagi mereka yang bertanggungjawab tentulah berfikir

dan mengetahui sekeluarnya daripada perut ibu tidak ada sehelai kain dan tidak ada suatu selain daripada anggotanya yang empat kerat itu. Ia hidup menjadi seorang manusia dan ia akan mati pada bila-bila jua pun. Mati tidak dapat dielakkan dan mesti datang kepadanya. Tetapi apabila ia berharta dan mulia atau menjadi orang ternama lalu takut ia kepada mati itu, kalau boleh dibayar dengan harta dan kemuliaannya ia akan suka hidup untuk selama-lamanya tetapi apakan daya mati mesti datang. Orang yang takut mati itu akan mati dan kematiannya itu tak dapatlah ditentukannya adakah ia mati di atas tempat tidur, adakah ia mati di tali gantung, adakah ia mati di hujung peluru, adakah ia mati terjatuh dari kapal terbang dan sebagainya tidak dapat ditentukannya.

Tetapi bagi orang-orang beriman yang mengetahui bahawa

dikerjakan olehnya dan jika ia berbuat baik dengan tulus ikhlas, dengan hati yang bersih



maka ia mendapat ganjaran pahala dan jika ia membuat kejahatan dan melakukan perbuatan yang terkutuk ia dibalas dengan balasan-balasan yang pedih dan seksa-seksa yang nyata.

mati itu mesti akan datang kepadanya tidak dapat dielak walau bila-bila jua pun ia tidak

takut mati bahkan mati menjadi kecintaannya, menjadi tunangnya yang akan dijumpainya dengan berharap bahawa kematiannya itu, kematian yang membara dan mencari keredhaan Allah!

Oleh yang demikian kita hendaklah kita tanya diri kita adakah kita redha yang kematian kita itu seperti bangkai yang tidak berharga bahkan dikutuk oleh masyarakat; dan adakah kematian kita itu diredhai Allah dalam masa hayat kita. Kita mencari keredhaanNya berkorban dengan harta, tenaga dan jiwa kita kepada jalan Allah dengan tidak gentar menghadapi maut, dengan tidak gentar kepada ugutan, dengan tidak gentar cacian bahkan berani menegakkan kebenaran, menegakkan hak-hak Allah dengan tulus ikhlas bukan mencari nama dan kemegahan. Pilihlah tuan di antara kedua kematian itu – mati sebagai bangkai atau sebagai orang yang mendapat keredhaan Allah yang menunaikan jihad-Nya.